

**PERPUSTAKAAN
FAKULTI ALAM BINA**



FAB30000009863

**PERKONGSIAN KERETA SEBAGAI ALTERNATIF MENGURANGKAN
MASALAH KESESAKAN LALULINTAS
KAWASAN KAJIAN: BANDAR KUANTAN**

AMIRAH SURIATI BINTI AHMAD FARID

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah Sarjana Muda
Perancangan Bandar dan Wilayah

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MEI, 2009

ABSTRAK

Salah satu pendekatan yang telah lama diperkenalkan untuk mengurangkan masalah kesesakan lalulintas bandar di negara-negara maju di luar negara dan juga dalam negara (Kuala Lumpur) adalah perkongsian kereta. Perkongsian kereta adalah antara strategi yang dicadangkan di dalam pendekatan pengurusan permintaan pengangkutan (TDM) untuk menaikkan kadar pendudukan kenderaan (vehicle occupancy rate). Perkongsian kereta merupakan alternatif yang fleksibel untuk mengurangkan impak negatif terhadap pertambahan bilangan pemilikan kenderaan persendirian. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui tahap pengetahuan penduduk mengenai perkongsian kereta, mengenalpasti insentif-insentif pelaksanaan perkongsian kereta sedia ada dan mengenalpasti pandangan responden terhadap penggunaan kenderaan secara amnya. Bandar Kuantan dipilih sebagai kawasan kajian memandangkan kadar pertumbuhan Bandar Kuantan semakin meningkat dan masalah kesesakan semakin kritikal sekiranya masalah ini tidak di pandang serius. Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan borang soal selidik dan responden terdiri daripada 200 orang penduduk yang bekerja di sekitar bandar Kuantan. Data telah dianalisis dengan menggunakan kaedah taburan kekerapan, peratusan dan jadual silang. Ujian bagi data nominal dibuat dengan menggunakan kaedah Khi Kuasa Dua pada aras signifikan 0.10. Majoriti daripada responden yang bekerja di sekitar bandar Kuantan bersetuju, (76%) sekiranya perkongsian kereta dilaksanakan di kawasan kajian dengan alasan bandar Kuantan akan mengalami masalah kesesakan lalulintas yang semakin meningkat di masa akan datang. Selain daripada masalah kesesakan lalulintas yang diberikan, responden juga sedar perkongsian kereta merupakan kaedah terbaik dan mudah untuk mengurangkan kesesakan lalulintas. Insentif-insentif yang berkesan juga diperlukan untuk menggalakkan perkongsian kereta.

ABSTRACT

One of the management based methods that have been introduced to relieve cities of traffic congestion the world ever is, car pooling. Kuala Lumpur is no exception. Car pooling attempts to reduce automobiles in the city center by encouraging ridesharing among the drivers and increases the vehicle occupancy rate. Car pooling is a flexible alternative to reduce the negative impact toward the increasing the number of private vehicle. The purposes of this study are; to understand public awareness about car pooling, to identify the existing incentives for car pooling implementation and to determine the public perception about the automobile in general. For this research, Kuantan is chosen as a study area as it is growing at a rapid rate and traffic congestion in the city is getting bad if left unchecked. Data collection has been done via questionnaire surveys and the respondents for this study consist of 200 employees around Kuantan city. The data were analyzed by using the descriptive method, percentage and cross tabulation table. Chi square technique was used to test the nominal data with level of significant is 0.10. Majority of the respondents (76%) agreed that car pooling should be introduced in Kuantan. The reason which they give is traffic congestion at Kuantan will be increasing in the future. On the other hand, respondents also aware about car pooling as the effective solution for reducing traffic congestion. Many left that there must be incentives to encourage car pooling.